

PENDIDIKAN MENENGAH DI SABAH: DARI SEGI  
PERSPEKTIF SEJARAH DAN PERKEMBANGANNYA

D. BANDIRA B. D. ALANG




ARKIB

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

Pendidikan Menengah Di Sabah: Dari Segi Perspektif Sejarah  
Dan Perkembangannya.

D.Bandira Bin Datu Alang @ Bandira Sialang  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang.

Latihan Ilmiah untuk keperluan Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Sejarah  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
Pulau Pinang.



## PENGHARGAAN

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah menolong saya dalam membuat kajian dan menyiapkan latihan ilmiah ini. Tidak lupa saya ucapkan terima kasih kepada Encik Dido Johari dari Perpustakaan Negeri Sabah atas pertolongan beliau mencarikan bahan-bahan, kepada Cik Nurmawati Datu Alang dan Norhashima Haji Abdul Majid yang menolong menaip draf pertama kajian ini, juga kepada Amin Senin yang menolong menyemak kembali draf pertama dari segi ejaan ataupun susunan ayat, dan seterusnya kepada semua pihak sama ada perseorangan ataupun kumpulan yang tidak sempat saya sebutkan disini. Akhir sekali setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada Dr. Sidhu selaku penasihat saya dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Atas dorongan dan bimbingan nasihat beliau lah kajian ini menjadi satu bentuk latihan ilmiah.

Sekian terima kasih.

## KANDUNGAN

	Muka surat
BAB 1	1
Pendahuluan	1
Tujuan Kajian	4
Sumber-Sumber Kajian	6
Latar Belakang Geografi	7
Penduduk	9
Latar Belakang Sejarah	12
Pendidikan Tradisi	14
BAB II	17
Kompeni Berpiagam/Chartered Company 1881-1942	17
Peranan Mubaligh Keristian	18
Dasar Pendidikan Chartered Company	24
Peranan Kerajaan	24
Penubuhan Jabatan Pelajaran	27
Bahasa Pengantar	31
Jenis-Jenis Pelajar	32
BAB III	34
Selepas Perang Dunia Kedua	34
Pendidikan Semasa Jepun	34
Pentadbiran Tentar British (BMA)	36
Kolonial British 1946-1962	39
Dasar Pelajaran	39
Permulaan Pendidikan Menengah	40
Pentadbiran Dan Kurikulum	43
Laporan Woodhead	46
Perkembangan Sekolah Menengah	50

<b>BAB IV</b>	<b>Muka Surat</b>
Selepas Merdeka 1963-1982	54
Dasar Pelajaran Sabah	54
Pembangunan Pelajaran	55
Biasiswa	56
Yayasan Sabah	59
Colombo Plan/Rancangan Colombo	60
Guru-Guru	62
Dasar Pelajaran Kebangsaan	62
Kurikulum	63
	67
<b>BAB V</b>	
Penutup	69
Masalah	69
Masa Depan Pelajaran Di Sabah	73
Bahan-Bahan Rujukan	81
	83

## BAB 1

Pendahuluan.

Pendidikan merupakan satu institusi yang amat penting untuk mengisi kemerdekaan sesebuah negara. Tanpa pendidikan kemerdekaan sesebuah negara itu tidak bererti, ini kerana pendidikan adalah satu alat yang amat penting dalam penyambungan, penerusan dan 'survival' satu-satu masyarakat itu. Institusi ini juga boleh digunakan oleh sesebuah negara untuk mencapai beberapa matlamat tertentu. "Kepada pemerintah dan perancang, pendidikan adalah sebuah institusi yang antara lain menyediakan guna tenaga kepada negara. Kepada ahli-ahli sosiologi dan antropologi, pendidikan pada umumnya ialah institusi permasyarakatan supaya penduduk sesebuah masyarakat itu menganut, memahami dan menghayati nilai norma masyarakatnya. Kaum pendidik melihatnya sebagai institusi yang menggerakkan pertumbuhan secara menyeluruh ketahap maksimum seseorang individu, sesuai dengan keupayaan semula jadi yang ada pada individu itu masing-masing. Ahli-ahli agama pula melihatnya sebagai institusi yang pada akhirnya akan melahirkan manusia yang beragama dan beriman.<sup>1</sup>

Dalam kontek negara kita Malaysia yang telah mengalami berbagai bentuk dan tahap pemerintahan sudah

---

1. Awang Had Salleh, Pendidikan Kearah Perpaduan, Fajar Bakti Sdn Bhd. Kuala Lumpur. 1980.  
Muka surat V.

tentulah 'approach' pendidikannya berbeza diantara satu peringkat dengan satu peringkat atau tahap pemerintahan. Sejak pemerintahan British sehingga lah kita mencapai ke-merdekaan berbagai tulisan yang kita dapati telah dihasilkan oleh para cerdik pandai tentang pendidikan di negara ini. Sehingga pada akhir-akhir ini, banyak telah ditulis tentang sejarah pendidikan di Malaysia sama ada oleh penulis penulis barat atau tempatan. Bagaimana pun tulisan-tulisan ini mempunyai pemikiran yang sama.<sup>2</sup> Oleh kerana pengasas kepada pendidikan (pendidikan bukan Islam) kita ialah pihak British maka inilah yang menarik perhatian para penulis tempatan untuk meninjau semula orientasi atau pun matlamat pendidikan yang dimulakan oleh pihak penjajah ini. Namun demikian, walaupun Malaysia adalah sebuah negara tetapi tiap-tiap negeri didalamnya berbeza dari segi proses kemasukan nya ketangan penjajah. Boleh dikatakan kemasukan ini adalah secara berperingkat peringkat, kerana itulah kajian ini cuba menumpu kepada sebuah negeri di Malaysia ini sahaja ia itu Sabah. Sabah merupakan negeri yang terakhir memasuki Malaysia. Proses kemasukan dan juga proses sejarah pendidikan negeri ini agak berlainan dengan di Malaya dan juga tulisan tulisan mengenainya amat kurang jika dibandingkan dengan Malaya. Amat sedikit yang diketahui tentang dasar-dasar dan juga apa-apa yang berkaitan dengan penjajahan di Sabah. Oleh kerana itulah kajian ini cuba menyelonkar kembali bagaimana

---

2. Ibrahim Saad, Pendidikan Dan Politik Di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 1977. Muka surat IX.

perkembangan pendidikan di Sabah dari masa penjajah sehingga Sabah merdeka menerusi Malaysia. Namun demikian kajian ini tumpuan perbincangannya lebih kepada peringkat pendidikan menengah dari segi perspektif sejarah dan perkembangannya yang bermula pada awal abad ke 20. Perkembangan pendidikan di Sabah amat lambat sehingga Sabah masuki Malaysia pada tahun 1963, dengan hanya sebilangan kecil pelajar dan beberapa buah sekolah menengah yang terhad di beberapa buah kawasan tertentu yang sememangnya telah dipilih khas seperti di bandar-bandar sahaja. Bagaimanapun, sejak tahun 1963 setelah Sabah mencapai kemerdekaan menerusi Malaysia pertambahan pelajar sekolah menengah telah diikuti dengan penubuhan dan penambahan bangunan-bangunan sekolah menengah meliputi semua kawasan di negeri ini. Tindakan ini dijalankan oleh kerajaan sendiri dan juga badan-badan tertentu yang direstui oleh kerajaan.

Rengkasnya, selama Sabah berada ditangan kuasa asing tidak ada kesedaran untuk memperbaiki keadaan pendidikan. Ini ternyata dalam masa 64 tahun, bermula dari Chartered Company (1881-1941), Jepun (1942-1945) dan satu tahun dibawah pentadbiran Tentera British (1945-1946) Sabah tidak ada pengarah pelajaran untuk mengendalikan perkembangan pendidikan secara menyeluruh. Pada tahun 1946, iaitu setelah Sabah secara resminya menjadi Tanah Jajahan British barulah diada kan seorang pengarah pelajaran untuk pentadbiran pendidikan dinegeri ini. Keadaan ini diperkemaskan lagi apabila Sabah berada dalam Malaysia terutama sekali apabila terlaksananya Dasar Pelajaran Kebangsaan.